



*Kata Alu-Aluan*

## **KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera.

Penerbitan majalah sekolah merupakan satu usaha pihak sekolah dalam merancang dan melaksanakan kepelbagaian agenda yang dimanifestasikan sebagai dokumentasi maklumat dan sumber rujukan semua warganya dan juga pihak lain yang berkepentingan. Majalah sekolah merupakan wadah yang amat penting dalam memupuk semangat kecintaan yang tinggi terhadap sekolah serta penerapan watak dan budaya sekolah dalam kalangan warganya. Majalah sekolah yang diterbitkan ini akan menjadi salah satu medium bagi semua warga sekolah mencapai aspirasi sistem dan aspirasi murid Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Sepanjang tahun 2020 dan hingga hampir pertengahan tahun 2021 kita semua menempuh krisis penularan COVID-19 dengan pelbagai cabaran, namun saya yakin cabaran ini tidak akan menjadi penghalang kepada semua warga sekolah untuk menggapai kejayaan dan kecemerlangan. Dalam masa yang sama, kita juga perlu mengimbangi segala hasrat ini dengan memastikan sekolah kekal menjadi institusi yang selamat untuk semua warganya. Cabaran perubahan dan krisis disebabkan COVID-19 seharusnya dijadikan titik permulaan untuk kita semua mengubah cara berfikir serta tindakan kepada pemikiran serta tindakan yang lebih kreatif dan inovatif dalam segala perancangan dan pelaksanaan.

Terima kasih kepada semua warga sekolah kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan kata alu-aluan di dalam penerbitan majalah sekolah kali ini. Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada kepada semua warga sekolah khususnya sidang redaksi kerana telah berjaya menerbitkan majalah ini. Semoga majalah ini menjadi kebanggaan semua warganya.

*Datin Zamani*

**DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI ABDOL HAMID**